



- 1. PEGAWAI PERANGKAAAN RENDAH
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
C.1-2-3 EB.4 (\$1,280 - \$2,620 SEBULAN) ATAU
C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 SEBULAN)
KEKOSONGAN = 1**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam Teknologi Info-Komunikasi (*Information Communication Technology*) / Perdagangan & Kewangan (*Business & Finance*) atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 5 tahun.

Keutamaan akan diberikan kepada pemohon-pemohon yang berpengalaman luas dalam kerja-kerja perangkaan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PERANGKAAAN RENDAH:

Secara Am

1. Membantu dalam urusan mengumpul, memungut, menyusun, menyediakan, meneliti rumusan dan menganalisa Perangkaan Jabatan.
2. Membantu memasukkan dan mengeluarkan maklumat perangkaan.
3. Bersedia menjalankan lain-lain tugas dan tanggungjawab yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.



JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI:

1. Mengetuai cawangan Jabatan Perangkaan di daerah-daerah.
2. Menyelaras dan memantau pengendalian kerja luar bagi banci dan kajian di daerah-daerah.
3. Membantu dalam urusan pengambilan pekerja-pekerja luar sementara bagi banci / kajian di daerah-daerah.
4. Mengawasi perkembangan dan prestasi kerja pekerja-pekerja luar sementara bagi banci / kajian di daerah-daerah dan menghadapkan laporan progres kerja-kerja luar berkenaan.
5. Menjalankan kerja-kerja susulan kepada isirumah atau perusahaan / perniagaan yang belum membekalkan maklumat yang diperlukan melalui banci / kajian.
6. Mengemaskinikan peta-peta kawasan untuk daerah-daerah bagi kegunaan banci / kajian.
7. Mengendalikan tugas tertentu secara 'ad-hoc' mengikut arahan yang diberikan oleh pegawai atasan.